

2 jam Kukup dibanjiri air laut



Air pasang besar yang berlaku di Kukup menyebabkan laluan utama ke terminal jeti dipenuhi air laut kira-kira dua jam, semalam.

PONTIAN – Fenomena air pasang besar yang melanda pekan Kukup, di sini, semalam, menjejaskan pergerakan orang ramai terutamanya pelancong selama dua jam.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi mendapati kebanyakan pengunjung luar terkejut melihat kejadian air pasang besar sehingga memenuhi laluan pejalan kaki sehingga ke paras buku lali.

Kejadian air pasang besar yang hanya berlaku sekali setahun dalam tempoh tiga hari bermula kelmarin, dapat disaksikan dalam tempoh dua jam sahaja dari 11 pagi hingga 1 petang.

Fenomena itu turut menarik minat kanak-kanak untuk bermandi manda walaupun keadaan airnya yang tidak bersih.

Bagi Ahmad Daud, kejadian air pasang besar yang berlaku di pekan Kukup itu adalah per-

kara biasa setiap kali hujung tahun.

Menurutnya, penduduk dan peniaga tempatan sudah membuat persediaan awal dengan memindahkan barang ke tempat lebih tinggi sebaik sahaja dimaklumkan kejadian air pasang besar, kira-kira sebulan lalu.

"Pergerakan penduduk dan pelancong di pekan Kukup terganggu selama dua jam.

"Pelbagai gelagat mereka yang pertama kali merasai suasana air pasang besar dapat dilihat," katanya.

Sementara itu, kakitangan Terminal Feri Antarabangsa Kukup, Abd Shukor Haron berkata, perjalanan feri tetap diteruskan seperti biasa dan tidak mengalami gangguan.

"Namun, orang ramai terpaksa meredah air pasang kira-kira satu kilometer untuk ke terminal feri.